

Menjelang Penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

**S**URUHANJAYA Koperasi Malaysia (SKM) bertanggungjawab mengekalkan kestabilan dalam sektor koperasi untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan kepada anggota tidak terganggu dan kepentingan anggota tidak terugat.

Berikutan penubuhan SKM, Akta Koperasi 1993 perlu dipinda bagi memperkemaskan perundangan dan memperkukuhkan pengawalseliaan ke atas sektor koperasi dalam menghadapi cabaran pembangunan sosio-ekonomi serta merealisasikan sektor koperasi sebagai sektor ketiga dalam pembangunan negara.

Akta Koperasi dipinda untuk diselaraskan dengan penubuhan SKM. Pindaan dibuat untuk membolehkan urusan pengawalseliaan dan pemantauan ke atas sektor koperasi dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan ke arah memperkukuhkan sektor koperasi supaya lebih mapan, stabil dan teratur dalam urusan pentadbiran aktiviti dan perniagaan.

**Mengenal Akta Koperasi 1993 (Pindaan) 2007**

Melalui pindaan Akta Koperasi 1993, kerajaan mengambil langkah mengurangkan syarat keperluan bagi pendaftaran koperasi dari segi keanggotaan daripada 10 kepada 50 orang serta membolehkan individu menyertai lebih daripada satu koperasi kredit bagi menggalakkan tabung.

Pindaan ini juga membolehkan koperasi menerima deposit daripada bukan anggota tertakluk kepada syarat dan melabur dalam ma-

# Akta jamin koperasi lebih kukuh, mapan

H.M 10/12/07 M/S 18

Dibentuk bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran koperasi terus dipertingkatkan



**TERBAIK...urus tadbir koperasi dengan baik menjamin keuntungan anggota.**

**DIDIK...pelajar diajar membentuk koperasi di sekolah.**

**BANTU...koperasi juga membantu usahawan pasaran produk.**

**FAKTA**  
Akta galak pertumbuhan, perkembangan koperasi

anggota dihukum.

Peruntukan denda dan sebagainya dinaikkan selaras dengan peruntukan denda bagi kesalahan lain dalam perundangan lain seperti Akta Syarikat dan sebagainya.

Dengan cara ini, kerajaan berpendapat koperasi juga perlu diberi perhatian yang sama rata dengan sektor lain di negara ini.

Peruntukan yang dipinda juga bertujuan memastikan sektor koperasi tidak mengalami kerugian yang sama seperti yang berlaku sebelum ini.

Banyak koperasi yang pada masa ini disebabkan kecuaiannya anggota Lembaga tidak dapat mengembalikan wang

na-mana koperasi lain tanpa kelulusan SKM.

Kerajaan mengambil langkah meminda Akta Koperasi 1993 dengan matlamat memastikan urusan tadbir koperasi dipertingkatkan.

Ini kerana koperasi yang sihat, stabil dan berdaya saing dalam aktiviti dan perniagaannya amat berkait rapat dengan pengurusan dan pentadbiran sesuatu koperasi.

Pindaan ke atas Akta Koperasi bertujuan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan koperasi bukan mengekang atau menghalang.

Ciri-ciri pindaan membatinkan:

- Meningkatkan tadbir urus koperasi.

- Meningkatkan keperluan berhempah untuk dipatuhi koperasi bagi memperkuatkan kedudukan kewangan.

- Meningkatkan kuasa kawal selia ke atas koperasi bagi menjadikannya lebih efisien dan berdaya saing dengan sektor lain.

- Meningkatkan peruntukan penalti terhadap kesala-

han yang dilakukan mengikut undang-undang koperasi berdasarkan berat kesalahan.

Kadar penalti paling tinggi sebanyak RM5 juta ke atas kesalahan dilakukan mengikut Seksyen 10(a) dan Seksyen 10(b) Akta Koperasi 1993 dikenakan kepada mana-mana orang (individu atau syarikat) yang mengemukakan diri menggunakan perkataan koperasi.

Kedua-dua kesalahan ini bertujuan menjatuhkan dan mencemarkan imej gerakan koperasi dan penalti diperuntukkan dalam pindaan Akta Koperasi 2007 supaya tidak digunakan oleh mereka yang berkepentingan.

Sementara bagi kesalahan lain, kadar penalti maksimum yang dikenakan tidak melebihi RM1 juta.

Kenaikan kadar penalti ini bersesuaian dengan jumlah urusan niaga koperasi masa kini membatinkan urusan niaga puluhan juta ringgit setiap bulan.

Oleh itu, kadar denda RM1 juta ini masih kecil berbanding jumlah niaga

## Senarai 20 koperasi terbesar sehingga 31 Disember 2006 (Berasaskan nilai jumlah keanggotaan)



Bil	Nama Koperasi	Anggota
1.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)	750,503
2.	Koperasi Serba Guna Malaysia Berhad	261,566
3.	Koperasi Permodalan Felda Berhad	175,022
4.	Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad	131,744
5.	Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad	85,563
6.	Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad	69,485
7.	Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (Kojadi)	65,452
8.	Koperasi Sejati Berhad	54,732
9.	Koperasi Belia Nasional Berhad (Kobena)	53,652
10.	Koperasi Kredit Pekerja-Pekerja Berhad	40,520
11.	Koperasi Koperkasa Berhad	36,056
12.	Koperasi Didik Berhad	34,638
13.	Koperasi Pendidikan Islam Malaysia Berhad	33,352
14.	Koperasi Muslimin Malaysia Berhad	30,623
15.	Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad (Komus)	30,555
16.	Koperasi Belia Majujaya Malaysia Berhad	28,400
17.	Koperasi Wawasan Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad	28,287
18.	Koperasi Serbaguna Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad	27,725
19.	Koperasi Konsumer Malaysia Berhad	26,982
20.	Koperasi Koswip Malaysia Berhad	26,308

yang terbabit.

- Pelanggaran kesalahan bukan saja dikenakan kepada koperasi, malah anggota lembaga, Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Juruaudit dan pegawai koperasi berkenaan.

Koperasi dilarang menanggung kerugian akibat salah tindakan mana-mana pegawainya bagi apa-apa liabiliti berikutan pelanggaran undang-undang yang dilakukan.

Peruntukan yang dibuat di atas adalah untuk melindungi sebilangan besar anggota koperasi yang menyumbang modal atau melabur dalam koperasi dan menaruh penuh keyakinan terhadap pelaburan dalam koperasi yang dianggotainya.

Dalam menimbang perkara ini, kerajaan meletakkan awam sebagai keutamaan apabila melaksanakan sesuatu dan memastikan keadilan berlaku dalam koperasi bahawa hanya mereka yang bersalah dihukum, bukan kepada institusi, iaitu koperasi, yang mana akan membatinkan semua

anggota Lembaga tidak dapat mengembalikan wang anggota yang menyimpan beberapa tahun dalam koperasi dan mereka mengadu kepada kerajaan untuk membantu menyelesaikan masalah sebegini.

Kes yang berlaku ke atas Bank Rakyat, Koperasi Pengambilan Deposit, Bank Pusat Kerjasama, pelaburan yang tidak mendapat kelulusan terlebih dulu daripada Ketua Pendaftar bukan saja menyebabkan koperasi berkenaan mengalami kerugian, malah kerajaan terpaksa menyediakan jutaan ringgit dalam bentuk pinjaman dan geran bagi mengatasi permasalahan itu.

Bagi mengelakkan perkara sama berulang, apatah lagi dengan penaiktarafan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) sebagai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), sewajarnya peruntukan dalam Akta Koperasi diubahsuai dan dipinda bagi memantapkan fungsi SKM sebagai badan yang bertanggungjawab mengekalkan kestabilan dalam sektor koperasi.